

Asuhan

KEHIDUPAN

• ANEKDOT & CITRA KEHIDUPAN •



Editor / Penyelenggara :

Munsyi Mohamad bin Musip

Kata Pengantar oleh:

Prof. Datuk Dr. Awang bin Sariyan

ASUHAN KEHIDUPAN

Anekdot dan Citra Kehidupan

Cetakan Pertama 2020

© WACANA MBM

Hak cipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian buku ini dalam apa-apa jua bentuk dan cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman, dan cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis. Perundingan tertakluk pada perkiraan bayaran yang munasabah berdasarkan harta intelek kandungan buku.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ASUHAN KEHIDUPAN / Penyelenggara Munsyi Mohamad Musip

ISBN 978-967-2316-02-2

1. Anecdotes 2. Creative writing 1. Judul
808.882

Diterbitkan oleh:



WACANA MBM [UT0029030-D1]
4, Jalan Desa Jaya 2, Taman Desa Jaya,
Bukit Baru, 75150 Melaka.

WhatsApp: 012-3718730 o e-mel: wacanambmab@gmail.com

Editor/Penyelenggara : Munsyi Mohamad Musip

Penolong Editor : Nasrul Haziq Che Aslan

Penolong Penyelaras : Rashidah Abu

Pereka Bentuk : SYFE Management Sdn. Bhd.

KANDUNGAN

1. FARIDAH MOHD TAP	1
2. HAITUN KAMARAZAMAN	12
3. HARYATI HAMIM	27
4. HASLINDA HASSAN	37
5. LILISURIANI ABDUL LATIF, PhD	47
6. MOHD. RADZI MUHAMAD DUL	57
7. NOR AFIQAH MOHD SIDEK	68
8. NOR HIDAYAH MOHD. BOHARI	78
9. NOR ROBANIYAH JAHRON	87
10. NUR HIDAYAH HARON	97
11. RASHIDAH ABU	104
12. RASHIDAH ELIAS	115
13. ROHANI MAT ALI	127
14. SAASOBAH @ NOR ADIBAH ALI	136
15. SAROYA YAHYA, PhD	146
16. SITTI AISJAH ABDULLAH	154
17. WAN NOR FADHILLAH WAN SIDIK	163
18. ZALEHA AHMAD	169
19. ZULAIHA PAIKON	178
20. ZURINAH AHMAD	186



LILISURIANI ABDUL LATIF, PhD

Lilisuriani binti Abdul Latif ialah anak kelahiran Taiping, Perak. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Convent Klian Pauh, Taiping dan Sekolah Menengah Convent Taiping sebelum meneruskan pelajaran di Moray House College of Education, Edinburgh, Scotland sehingga memperoleh ijazah Sarjana Muda kelas pertama dalam bidang Education (TESOL). Kemudian, beliau memperoleh ijazah Postgraduate Diploma dalam bidang Perniagaan dari Lincoln University, New Zealand; Sarjana Psikologi Pendidikan, Universiti Putra Malaysia; seterusnya ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Bahasa Inggeris. Beliau pernah bertugas di sekolah menengah dan di institusi pengajian tinggi. Kini, beliau bertugas sebagai Penolong Profesor di UIAM dan pernah mendapat anugerah Guru Terbaik di peringkat universiti. Beliau aktif dalam latihan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dalam bahasa Inggeris untuk Kerjaya dan Pemujukan (Workplace and Persuasive English Communication).

KERANAMU AKU DI SINI

“ASSALAMU’ALAIKUM, Pak Latif!!”

Itulah sapaan mesra yang sering aku dengar setiap kali ayahku berjalan-jalan, memantau anak-anak kesayangannya, anak-anak Asrama Kasih.

Ayah mula menjadi Pengetua di asrama yang menempatkan anak-anak yatim dan yang kurang bernasib baik ini dari tahun 1994 hingga ke tahun 2011. Lama ayah di sana. Walaupun sudah lama ayah bersara, kenangan dengan anak-anak ini masih segar dalam ingatan.

“Masa ayah baru sampai di asrama ‘tu dulu, apapun tak ada di dalam kawasan asrama yang seluas lebih kurang enam ekar. Hanya terdapat dua blok tempat tinggal, iaitu untuk pelajar lelaki dan perempuan dan satu dewan makan... angangan pokok, rumput pun tak ada. Hanya batu-batu kecil dan semak-samun termasuk ular-ular berbisa mengelilingi kawasannya. Terdapat 63 orang anak yang tinggal pada ketika itu. Asrama ini dikelilingi jiran-jiran berbangsa Melayu, India dan Cina tanpa kemudahan atau kedai-kedai berdekatan. Ayah tak sangka yang ayah akan berkhidmat di situ selama 17 tahun!” Ayahku masih terkenang-kenang.

Memang tiada sesiapa yang menyangka. Setelah bersara daripada menjadi Pengarah Jabatan Penjara Malaysia, ayah mempunyai perancangan lain. Ayah ingin memulakan perniagaan.

Namun pak cikku, pada ketika itu bersungguh-sungguh memujuk ayah untuk bekerja di asrama itu, menjaga anak-anak miskin dan yatim piatu di situ. Pada mulanya, ayah tidak mahu tetapi hanya bersetuju untuk pergi melawat. Maka, di situlah segalanya bermula.

Semasa lawatan ayah di sana, tiada tempat tinggal khusus untuk pelawat atau pentadbir. Ayah tinggal di *dorm* pelajar lelaki. Jelas, banyak yang perlu dilaksanakan jika ayah ingin mengambil tugas mengasuh anak-anak miskin dan yatim piatu ini. Ayah agak terkejut dan berasa semakin berat untuk berada di situ. Namun, untuk meninggalkan anak-anak itu, ayah tidak pula tergamak. Beliau keliru dan buntu. Terasa suatu perasaan yang tidak dapat dijelaskan. Tiba-tiba beliau sedar dan faham. Rupa-rupanya ada suatu perancangan yang lebih besar, di luar kemahuan dan kuasanya, yang telah diberikan kepadanya selepas beliau bersara. Allah telah meletakkan beliau di situ. Perlahan-lahan, ayah mengumpul kekuatan diri. Keinginan sendiri terpaksa diketepikan. Beliau mempunyai tanggungjawab yang sangat besar nampaknya.

Akhirnya, ayah menerima takdir dan ketentuan Ilahi. Ayah menerima tawaran untuk menjadi Pengetua dan mula mengorak langkahnya untuk mengasuh anak-anak di asrama itu. Ayah merancang supaya “transformasi holistik” dilaksanakan ke atas anak-anak itu. Ayah berkata, “Biar mereka datang dengan harapan dan pulang dengan kejayaan.”

Niat, Perancangan dan Cabaran

Kata ayah, apabila hendak menjaga anak-anak yatim piatu dan miskin, beliau mesti memasang niat yang jelas dan betul. Kata ayah lagi, segala tugas perlu dihayati. Kepentingan diri dan keuntungan peribadi mesti diketepikan. Apa-apa yang hendak dicapai untuk anak-anak ini mesti jelas dalam fikirannya. Kata ayah lagi, bukan setakat keperluan seharian, beliau sedar bahawa beliau perlu merancang dan mengambil langkah-langkah berani untuk mengeluarkan anak-anak yatim piatu dan miskin ini daripada garis kemiskinan. Ayah mula merancang untuk anak-anak ini mengisi kehidupan mereka di asrama itu dengan lebih bermakna. Ayah mahu mereka berjaya di dunia dan di akhirat. Hanya dengan disokong oleh dua orang pembantu dan seorang pemandu, ayah mula melaksanakan apa-apa yang diamanahkan.

Cerita ayah, pelbagai cabaran yang perlu dihadapinya. Bukan mudah untuk mencorakkan anak-anak yang datang daripada pelbagai latar belakang keluarga dan mempunyai nilai-nilai hidup yang berbeza. Wang juga menjadi kekangan besar. Walaupun ada sedikit bantuan wang daripada badan-badan berkenaan, pengurusan wang mesti dibuat dengan terperinci dan teratur. Keadaan asrama yang kurang kelengkapan dan kemudahan terpaksa ditambah baik. Tiada dewan untuk anak-anak berkumpul, tiada surau, tiada padang, malah tiada tempat untuk kami sekeluarga tinggal. Kedudukan asrama di kampung kecil yang ketika itu tiada apa-apa, lebih menyukarkan keadaan.

Ayah dan ibu berbincang dan bersetuju untuk berkorban dan tinggal berjauhan untuk sementara. Pada mulanya ayah tinggal bersendirian di bilik asrama, dan kemudiannya di sebuah rumah kontena yang didermakan oleh sebuah syarikat Jepun. Ayah tidak mahu tinggal berjauhan daripada anak-anak asrama, demi keselamatan mereka. Ayah bekerja keras mencari dana untuk membina suasana yang lebih selesa di asrama.

Setelah beberapa tahun, dengan dana yang dicari dan disimpan, ayah berjaya membina sebuah bangunan pentadbiran, surau yang dapat menempatkan 200 orang dan sebuah rumah supaya kami dapat tinggal semula sekeluarga, berdekatan dengan asrama. Anak-anak juga dapatlah ke sekolah dengan menaiki sebuah bas besar yang selesa, serta memakai pakaian seragam untuk pelbagai upacara dan untuk bersukan. Malah, mereka dapat membentuk kumpulan kebudayaan seperti kumpulan gitar rancak (kugiran) dan caklempong bawah bimbingan guru sekolah yang dibayar upah untuk mengajar. Dengan wang yang diterima dan diurus, anak-anak diberikan kelas tuisyen Bahasa Inggeris, Matematik dan Bahasa Melayu. Kelas mengaji al-Quran menjadi kewajipan untuk anak-anak itu hadir.

Cerita daripada Anak-anak Didikan Ayah

Iman, Wak, Atet, Anjang, Nueq, Asmawi, Qamar dan Tim adalah antara ribuan anak didikan ayahku. Dalam kalangan mereka ini, ada yang telah kehilangan ayah mereka pada usia yang muda.

“Pak Latif sangat **mementingkan disiplin dan ketepatan waktu**,” kata Iman. Hal ini dipersetujui oleh yang lain. “Jam 5:45 kami semua ‘dah kena bangun dan solat subuh berjemaah bersama-sama Pak Latif. Itulah rutin kami hari-hari,” cerita Iman lagi.

Wak menambah dengan berkata, “Pak Latif akan melaungkan azan subuh jika kami lambat bangun. Mendengar suara Pak Latif, kami semua akan bingkas bangun lalu ke surau sepantas kilat.” Aku tergelak kecil mendengarkan kata-kata Wak. Jelaslah keperibadian ayahku yang dahulunya berkhidmat di Jabatan Penjara Malaysia begitu tersemat dengan erat dalam dirinya walaupun setelah bersara.

“Mula-mula memanglah kami ‘tak suka. Tapi lama-kelamaan kami mula memahami bahawa rutin inilah yang membina sahsiah atau keperibadian kami,” kata Iman.

“Saya belajar menghargai waktu untuk diri sendiri dan juga orang lain,” Wak menambah.

Kata-kata Wak dan Iman dipersetujui oleh Asmawi yang telah bertugas sebagai Mekanik Pesawat Qatar Airways dan tinggal di Doha, Qatar setelah berpengalaman sebagai Juruteknik Pesawat Terbang, Malaysia Airlines. Begitu juga dengan Tim atau Fatimah yang telah menjadi Doktor Pakar Klinikal Mikrobiologi Perubatan.

Qamar yang sekarang bertugas sebagai Pegawai Tentera di Batalion ke-4 Rejimen Askar Melayu Diraja dan Atet yang sekarang berpangkat Mejar dalam Tentera Darat masih teringat-ingat akan disiplin yang sentiasa diajar dan pesanan yang sering diberikan.

“Kami diingatkan supaya melakukan kerja bersungguh-sungguh dan berani dalam hidup. Saya rasa asuhan tegas Pak Latiflah yang telah menimbulkan rasa **jati diri** yang tinggi.”

“Selain itu, ayahanda Pak Latif juga menanamkan sifat mahu hidup berdikari. Beliau mendidik kami supaya sentiasa berfikiran positif agar dapat menempuh cabaran pada masa akan datang dan dapat menyelesaikan tugas sukar. Hasilnya, saya yang dahulunya kerdil dan kecil tetapi kini berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dalam organisasi kerajaan, swasta mahupun korporat,” kata Wak yang sudah menamatkan pengajiannya dalam bidang kejuruteraan di sebuah universiti tempatan. Sekarang Wak bekerja di sebuah syarikat swasta.

Iman yang sudah menjadi ahli perniagaan yang berjaya menambah, *“He taught me to be a gentleman. He changed my perspective to be a person I am now. I have become what I am now because he always told us to stand up on our ground and fight for our dream. To have our own pride that can be as good as others. Never give up, do our best and fighting for something is always worth it. To be firm and do the right thing.* Pak Latif selalu berkata, dalam dunia ini, ada dua benda saja, yang betul dan tak betul. Kalau kita ikut yang tak betul, tak betullah jadinya. Kalau ikut yang betul, betullah jadinya.”

Kebersihan ialah satu aspek yang amat ditekankan oleh ayahku. Anak-anak diwajibkan menjaga kebersihan diri dan bilik

masing-masing. Malah, kebersihan dan keadaan sekeliling kawasan asrama, ayah dan anak-anaklah yang menjaganya bersama. Pada hujung minggu, ada saja aktiviti yang diatur. Menanam pokok, memotong rumput, membetulkan pagar, mencuci longkang dan pelbagai lagi. Tiada pekerja khas yang mampu ditugaskan untuk membuat kerja-kerja itu semua. “Kami disuruh supaya bersih dan kemas sentiasa,” tambah Qamar.

“Walaupun ketika memakai kemeja-T dan kami sentiasa diingatkan bahawa, penampilan diri ialah perkara pertama yang akan dinilai oleh orang tentang kami,” sampuk Wak.

“Kami diajar supaya mengutamakan kebersihan, dari tempat tidur, sehingga ke tandas. “Sekarang ini, saya pula menjaga anak-anak madrasah. Nilai-nilai yang sama serta ilmu kehidupan yang lain yang saya dapat semasa tinggal di asrama, saya terapkan kepada mereka,” Anjang menambah.

Walaupun asrama ini hanyalah tempat tinggal anak-anak ini yang bersekolah di sekolah berdekatan, ayah tetap merancang aktiviti di sini, selaras dengan aktiviti sekolah. Nueq berasa bahawa sifat **tanggungjawab** ditambah pula dengan sifat **kepimpinan** dalam memegang amanah yang diberikan kepada anak-anak sepertinya banyak mengajarnya untuk mengurus kehidupan. “Keyakinan saya bertambah dalam setiap tugas yang diberikan. Terdapat tanggungjawab di atas segala keputusan serta tindakan yang dilakukan. Saya mendapat ilmu kepimpinan apabila saya diberi

peluang untuk menjadi pengawas asrama, mengetuai perhimpunan pagi ataupun menjadi imam solat,” cerita Nueq yang sekarang ini berkhidmat sebagai Eksekutif Teknologi Maklumat di Perbadanan Wakaf Selangor.

“Kami ada jadual pembelajaran, kerohanian, keagamaan dan kurikulum yang teratur. Pak Latif mahu kami mempraktikkan segala yang telah diterapkan di asrama ke alam pekerjaan, baik daripada segi disiplin, amanah dan juga tanggungjawab dalam menyelesaikan tugasan yang diberikan,” terang Wak.


“Dari situ, saya belajar ilmu pengurusan dari zaman belajar hingga sekarang sebagai pengurus perkhidmatan. Dengan ilmu ini saya sekarang diberikan amanah dan tanggungjawab untuk mengurus tugasan yang tidak terhad kepada Malaysia tetapi juga ke luar negara seperti Brunei, Pakistan, India dan UAE,” tambah Wak lagi.

Aktiviti kebudayaan dan lawatan sambil belajar juga sering diatur oleh ayahku untuk anak-anak kesayangannya di asrama ini. “Pak Latif main sepak takraw dengan kami. Tandukan beliau menjadi pujaan hati kami. Apabila Pak Latif menyanyikan lagu “Getaran Jiwa” bersama-sama kami, kami cuba sedaya upaya mengikut tempo dia yang *a bit classic*,” jenaka Wak.

“Macam-macam kami buat, contohnya, main kompong untuk majlis perkahwinan dan melawat Genting Highlands, Pulau Pinang dan Cherating,” tambah Nueq.

“Kami pergi *picnic* dan *camping*,” sampuk Iman.

“Kami juga dapat tubuhkan pasukan kugiran dan bola jaring.



Bernasyid pun ada,” kata Anjang sambil tersenyum.

Ayah telah lama bersara dan anak-anak didiknya sebanyak lebih 2 600 orang dalam tempoh 17 tahun itu telahpun mengharungi kehidupan masing-masing. Namun, kenangan manis bersama-sama mereka masih lagi menjadi sebutan ayah setiap kali kami bercerita. Anak-anak asrama yang sekarang sudah berkeluarga

juga sering melawat ayah dan ibu apabila berkesempatan. Mereka mempunyai tempat yang istimewa dalam hati ayah. Ayah tidak pernah menyesal dengan keputusan untuk bersama-sama mereka kerana beliau tahu, beliau berada di situ atas kehendak-NYA.

Ekhlas
Daniposada
Galina
26 Sept 2020

ASUHAN *Kehidupan*

Anekdot & Citra Kehidupan

ASUHAN KEHIDUPAN menghimpunkan **karya 20 penulis** menerusi menerusi projek penulisan anekdot dan citra kehidupan. Karya-karya mereka mencoretkan pelbagai kenangan yang dibalut perasaan dan ibrah berkaitan pengalaman mendidik atau mengasuh anak-anak menerusi aktiviti taska, tadika, bimbingan, pemulihan atau terapi dalam usaha membentuk citra manusia yang terdidik.

Faridah Mohd Tap o Haitun Kamarazaman o
Haryati Hamim o Haslinda Hassan o
Dr. Liliuriani Abdul Latif o Mohd. Radzi Muhamad Dul o
Nor Afiqah Mohd Sidek o Nor Hidayah Mohd Bohari o
Nor Robaniyah Jahron o Nur Hidayah Haron o Rashidah Abu o
Dr. Rashidah Elias o Rohani Mat Ali o Saasobah @ Nor Adibah Ali o
Dr. Saroya Yahya o Sitti Aisjah Abdullah o
Wan Nor Fadhillah Wan Sidik o Zaleha Ahmad o
Zulaiha Paikon o Zurinah Ahmad



Kata pengantar oleh Prof. Datuk Dr. Awang bin Sariyan, Penyandang Kursi Za'ba, Universiti Pendidikan Sultan Idris, yang juga Mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dan Penyandang Kursi Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di China. Beliau menggagaskan pemikiran tentang ibrah sebalik usaha penulisan dan penerbitan ini, sekali gus menüpkan semangat berbahasa Melayu yang betul dalam kalangan penulis dan pembaca.

Pengurusan percetakan oleh:



SYFE MANAGEMENT SDN. BHD.
18-1 Jalan TU 42, Taman Tasik Utama,
75450 Ayer Keroh, Melaka
TEL : 019-7734174 E-MEL : syfe.management@gmail.com

EDISI 22 | RM 25.00



9 789672 316022